

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 22 OGOS 2019

MUKA SURAT: 06

Kaji penggunaan suhu tinggi lupus sisa buangan

Kuching: Kerajaan negeri kini dalam proses mengkaji keberkesanan penggunaan suhu tinggi untuk melupuskan sisa buangan yang tidak dapat dikitar semula.

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg, berkata, pihaknya sudah meminta bantuan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak dan SWM Environment Sdn Bhd (SWM) untuk membuat kajian berkenaan kaedah itu.

"Sisa buangan yang dibakar dengan suhu tinggi itu akan menjadi abu halus dan boleh digunakan dalam beberapa bidang

yang memerlukan.

"Ini satu inisiatif menggalakkan penggunaan teknologi hijau demi menjaga alam sekitar," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Gala Ulang Tahun Ke-20 Trienekens Sarawak Sdn Bhd di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di sini, kelmarin.

Abang Johari berkata, kerajaan Sarawak bersedia meneroka semua cara untuk mengitar semula bahan buangan di negeri ini dan menjadikannya sumber nilai ekonomi.

"Antaranya menguruskan sisa sistem kedudukan global (GPS)," katanya.